Penguasaan Tatabahasa Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam

Abdul Rashid Daing Melebek
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu guru-guru yang sedang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 6 Atas yang merupakan pengajaran tertinggi di sekolah sebelum para pelajar mereka menjejakkan kaki ke menara gading. Penyelidikan ini dijalankan dengan memilih lokasi sekolah secara rawak, tetapi haruslah terdiri dari sekolah yang berada di bandar dan di luar bandar di seluruh negara. Semua responden diminta memenuhkan soal selidik dan menjawab ujian tatabahasa bahasa Melayu dalam masa 90 minit. Data dalam soal selidik dan ujian tatabahasa ini dikumpulkan dan dianalisis. Penyelidikan ini mendapati bahawa semua responden menghadapi masalah dan masih keliru dalam semua aspek tatabahasa yang dikemukan dalam ujian. Aspek tatabahasa yang kesalahannya melebihi 50% ialah kata pemeri 82%, klausa 74%, predikat 58%, morfologi 53%, kata penguat 52%, golongan kata75% dan tanda baca 81%. Kesalahan aspek tatabahasa yang dilakukan oleh para guru yang sangat ketara ialah kata pemeri, klausa dan tanda baca, manakala aspek predikat, morfologi, kata penguat adalah pada sekitar 50% kesalahan. Para guru juga mempunyai masalah dalam aspek-aspek yang lain, cuma kurang ketara sangat dan berada di bawah 50% kesalahan seperti kata hubung, ayat majmuk, semantik, imbuhan, sintaksis, frasa, subjek, kata majmuk, kata ganda, dan ayat aktif. Hal ini mempunyai kesan kepada para pelajar mereka yang kurang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu STPM.

Abstract

This research is carried out to find out grammar proficiency level of Malay language teachers that is teaching Malay Language subject for upper 6 form classes, which accounts the highest education level in school before their students step foot to the ivory tower. This research is carried out by choosing school location at random, that are made up from school that were in town and in rural nationwide. All respondents were requested to fill up questionnaire and answer the Malay language grammar test in 90 minutes. Data from the grammar questionnaire and test were grouped and analyzed. This research finds that all the respondents face problems and were still confused in all grammar aspect adhered in the tests. From the grammar aspect, the mistakes more than 50% is "kata pemeri" 82%, clause 74%, predicate 58%, morphology 53%, "kata penguat" 52%, word groups 75% and punctuation 81%. Grammar aspect offences which were outstanding among the teachers were "kata pemeri", clauses and punctuations, while from the predicate aspect, the morphology and "kata pemeri" mistakes are around 50%. The teachers also have several problems in different aspects, but less noticeable and were under 50% mistakes ratio such as conjunction, compound sentence, semantic, affix, syntax, phrase, subject, compound word, "kata ganda" , and active sentence. This case obviously shows that they are still confused and less proficient on these grammatical aspects. This issue will affect their students that are less brilliant in STPM Malay Language subject.

Pengenalan

Bahasa Melayu telah dipilih menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 152 Ceraian 1, yang berbunyi ” *bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia ialah bahasa Melayu.”* Sejajar dengan itu, kerajaan telah melaksanakan satu dasar pendidikan bahasa yang menyeluruh, sesuai dengan keadaan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Langkah pertama ke arah ini adalah dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi secara berperingkat-peringkat bermula tahun 1983 hinggalah ke hari ini.

Penguasaan bahasa yang baik dalam kemahiran berbahasa Kurikulum Baharu Sekolah Rendah (KBSR) dapat membantu pelajar mengikuti pelajaran dengan lebih baik dan berkesan. Berdasarkan hakikat ini, maka kemahiran berbahasa diberi penekanan yang berat dalam kurikulum sekolah rendah supaya pada akhir persekolah nanti, murid-murid dapat menggunakan bahasa Melayu sejajar dengan peringkat perkembangan umur mereka. Pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah pula bertujuan membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa setaraf dengan peringkat intelek pelajar di peringkat tinggi dan memupuk daya pengembangan berbahasa bagi kepentingan pendidikan tinggi dan pekerjaan (KPM, 1989:1). Selain itu, pelajar juga akan dapat mencapai pemahaman tentang sistem bahasa, unsur dan nilai yang didukungnya, kecekapan berkomunikasi, melahirkan fikiran dan perasaan, kreatif melalui lisan dan penulisan, dan sebagainya.

Kajian tentang penguasaan tatabahasa ini telah lama mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji terdahulu sama ada pengkaji tempatan mahupun pengkaji daripada barat. Kajian dan penjenisan kesilapan yang mereka lakukan adalah pelbagai dan berbeza bergantung pada tujuan dan kaedah penyelidikan dijalankan. Kajian tersebut ada yang lengkap, meliputi semua aspek tatabahasa dan ada pula yang hanya tertumpu pada aspek-aspek tertentu sahaja mengenai tatabahasa bahasa Melayu.

Di Malaysia, kajian tentang tatabahasa bahasa Melayu masih lagi berterusan hingga kini dan melibatkan banyak pengkaji yang melibatkan diri dalam usaha untuk terus memartabatkan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa yang dikagumi di dunia. Abdul Hamid Mahmood (1990: 243) telah menjalankan satu kajian ke atas tiga golongan

pelajar, iaitu pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan SPM, pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan STPM dan pelajar-pelajar kelas persendirian (matrikulasi). Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelbagai ras yang berasal dari pelbagai negeri di Malaysia. Tajuk kajian beliau ialah 'Penguasaan Bahasa Malaysia Baku dalam kalangan Pelajar'. Kesalahan-kesalahan tersebut digolongkan kepada aspek-aspek seperti kesalahan sebutan, kesalahan penggunaan perkataan, kesalahan pemakaian imbuhan, kesalahan kata jamak, kesalahan ayat, kesalahan ejaan dan kesalahan tanda bacaan.

Mohamad Azman Omar (2000: 58) telah menyenaraikan beberapa jenis kesalahan ejaan dan tatabahasa bahasa Melayu dalam kajiannya yang bertajuk 'Analisis ke atas kesalahan ejaan dan tatabahasa bahasa Melayu sekumpulan pelajar bukan Melayu Tingkatan Satu dalam penulisan karangan'. Jenis-jenis kesalahan yang dikenal pasti melalui kajian yang telah dilakukannya ialah kesalahan ayat, kesalahan imbuhan, kesalahan kata jamak, kesalahan tanda bacaan, kesalahan ejaan, kesalahan bentuk ayat pasif, dan kesalahan penggunaan kata sendi atau kata hubung.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Yusof Saad (2000: 103) bertajuk 'Kajian Pencapaian Pelajar Cina Dalam Menguasai Tatabahasa Bahasa Melayu Tahap Dua Tahun Lima di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina', pengkaji mendapati sebanyak 4,500 patah kata telah digunakan oleh pelajar untuk tujuan penulisan karangan. Daripada 4,500 patah perkataan, terdapat sebanyak 154 kesalahan tatabahasa dengan purata 1.33. Kesalahan yang paling tinggi ialah dalam aspek morfologi, iaitu sebanyak 38.96% diikuti kesalahan dalam aspek sintaksis sebanyak 33.77%. Kesalahan yang paling rendah adalah dalam aspek fonologi, iaitu sebanyak 27.27%.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar Cina lemah dalam penguasaan tatabahasa bahasa Melayu. Selain itu, pelajar Cina juga lemah dalam aspek sintaksis. Pada peringkat ini didapati pelajar lemah dalam pembentukan ayat dengan melakukan purata kesalahan 1.34 berbanding dengan kesalahan frasa. Kelemahan ini akan menghalang pelajar bukan Melayu ini menguasai pelbagai aspek ilmu pengetahuan di Tahun Enam dan di peringkat yang lebih tinggi.

Nor Aziah Abdul Aziz (2000: 102) telah menjalankan satu kajian tentang penyalahgunaan imbuhan awalan se- terhadap 50 orang pelajar Tingkatan Tiga di tiga buah sekolah menengah di daerah Petaling. Pelajar yang dipilih adalah daripada

keturunan Melayu, Cina dan India. Daripada kajian yang dijalankan didapati bahawa masih terdapat kelemahan penguasaan pelajar Melayu dalam penggunaan imbuhan awalan se-. Sebagai bahasa pertama pelajar Melayu masih tidak dapat menguasai sepenuhnya fungsi dan maksud imbuhan se-. Keadaan ini lebih menyulitkan pelajar bukan Melayu yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Noor Hayati Abdul Hamid (2000: 101) melalui kajiannya yang bertajuk 'Analisis Kesalahan Penggunaan Ayat Pasif di Kalangan Pelajar Tingkatan Tiga' telah menyenaraikan beberapa aspek kesalahan ayat yang biasanya dilakukan oleh pelajar. Aspek-aspek kesalahan tersebut ialah kesalahan ayat pasif kata ganti diri pertama, kedua dan ketiga, kesalahan ayat pasif berimbuhan, kesalahan ayat pasif dengan kata bantu kena dan kesalahan ayat pasif dengan kata sendi. Daripada 60 buah karangan yang ditulis oleh pelajar, kesalahan dalam penggunaan ayat pasif kata ganti diri pertama, kedua dan ketiga amat ketara dalam kalangan pelajar bukan Melayu. Pelajar Cina telah melakukan kesalahan sebanyak 80% (16 orang) manakala pelajar India pula sebanyak 65%, iaitu sebanyak 13 orang. Ini berpunca daripada tidak wujudnya penggunaan kata ganti diri pertama, kedua atau ketiga dalam bahasa ibunda mereka. Kumpulan pelajar bukan Melayu hanya menguji rumus-rumus tatabahasa bahasa yang sedang dipelajari mereka itu.

Kajian Zaharudin A. Manap (2003: 59-60) pula menunjukkan bahawa sebilangan besar responden masih tidak dapat menguasai aspek pengimbuhan, kata depan dan penggunaan kata yang tidak tepat dengan baik. Sementara itu, aspek-aspek morfologi seperti kata bantu, kata ganda, kata ganti diri dan kata ganti petunjuk, didapati tahap penguasaannya adalah baik. Ini bererti responden dapat menguasai aspek-aspek berkenaan dengan baik jika dibandingkan dengan tiga aspek morfologi, iaitu aspek penggunaan kata yang tidak tepat, penggunaan kata depan dan pengimbuhan.

Noorhayati Alias (2004: 49-50) telah menjalankan satu kajian tentang analisis kesalahan penggunaan imbuhan dalam karangan pelajar yang menduduki peperiksaan PMR. Sampel kajian adalah seramai 35 orang, iaitu terdiri daripada pelajar Tingkatan Tiga Raya, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kebangsaan, Selangor. Melalui kajian yang dijalankan, iaitu menganalisis karangan pelajar, kesalahan-kesalahan imbuhan tersebut telah dikategorikan kepada kesalahan tidak menggunakan imbuhan di tempat

sepatutnya (TITS), menggunakan imbuhan di tempat yang tidak sesuai (MITTS) dan menggunakan imbuhan yang tidak sesuai (MITS). Sebanyak 26 kesalahan pelajar dicatatkan tidak menggunakan imbuhan di tempat yang sepatutnya (TITS). Manakala 29 pelajar pula dikesan melakukan kesalahan menggunakan imbuhan di tempat yang tidak sesuai (MITTS) dan 28 orang pelajar yang lain dicatat menggunakan imbuhan yang tidak sesuai (MITS).

Abd Ghani Mohd (2006: 76) telah menjalankan satu kajian bertajuk 'Analisis Kesilapan Tatabahasa Bahasa Melayu Dalam Penulisan Karangan Pelajar Tingkatan Satu'. Kajian tersebut dijalankan ke atas sekumpulan pelajar Tingkatan Satu, Sekolah Menengah Bera di Pahang dan sampel yang digunakan untuk menjalankan kajian tersebut adalah sebanyak 40 orang pelajar daripada 150 orang pelajar Tingkatan Satu sekolah berkenaan. Melalui kajian yang telah dijalankan, beliau mendapati memang terdapat beberapa kesilapan tatabahasa dalam penulisan karangan pelajar dan beliau telah menyenaraikan serta menganalisis jenis-jenis kesilapan yang dikenal pasti. Kesilapan ejaan dalam penulisan karangan, kesilapan penulisan tanda bacaan dalam karangan, kesilapan penulisan kata depan dalam karangan, kesilapan penulisan kata jamak dalam karangan, kesilapan penulisan kata ganti diri dalam karangan, dan kesilapan penulisan imbuhan dalam karangan adalah antara jenis-jenis kesilapan yang dikenal pasti kerap dilakukan oleh pelajar bagi tujuan penulisan karangan.

Abdul Hamid Mahmood (1989) telah membuat kajian tentang masalah penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar SPM, STPM dan Kelas Persediaan (Matrikulasi). Sampel ini dipilih berdasarkan pelbagai ras, iaitu Melayu, Cina, India, Benggali dan lain-lain. Kajian ini mendapati kesalahan bahasa yang banyak dilakukan oleh sampel ialah kesalahan ayat, kesalahan penggunaan perkataan, kesalahan imbuhan, kesalahan kata jamak, penjodoh bilangan, tanda bacaan, ejaan dan sebutan. Pelajar Cina didapati banyak melakukan kesalahan penggunaan perkataan dan istilah kerana gangguan bahasa ibunda. Walau bagaimanapun, semua ras daripada sampel yang dipilih melakukan kesalahan penggunaan imbuhan dan tanda baca.

Pengiran Mahmud Pengiran Damit (1992) telah menjalankan kajian kesalahan tatabahasa dan tanda bacaan terhadap pelajar Melayu Tingkatan Dua, iaitu dua buah sekolah menengah di daerah Tutong dan dua buah sekolah menengah lagi di daerah

Brunei/Muara. Dua bentuk ujian telah dikemukakan kepada sampel, iaitu ujian menulis karangan dan ujian objektif pelbagai pilihan. Kedua-dua ujian tersebut bertujuan mencari kesalahan dalam aspek penggunaan imbuhan, penggunaan perkataan, pembentukan ayat dan penggunaan tanda bacaan. Dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa berdasarkan 200 buah karangan yang jumlah perkataannya lebih kurang 30,000 patah perkataan didapati sampel telah melakukan kesalahan sebanyak 1,736. Purata kesalahan bagi setiap sampel ialah 8.68. Sementara dalam ujian objektif pelbagai pilihan, sampel telah melakukan sebanyak 2,030 kesalahan. Purata kesalahan setiap sampel bagi ujian ini ialah 10.15. Jumlah kesalahan bagi setiap sampel untuk kedua-dua ujian ialah sebanyak 18.83 kali atau sebanyak 9.4 bagi setiap sampel untuk jenis ujian.

Dalam ujian karangan, aspek kesalahan yang paling tinggi dilakukan ialah pembentukan kata, iaitu sebanyak 624 atau 35.94%. Kesalahan aspek tanda bacaan dalam ujian objektif pelbagai pilihan ialah sebanyak 787 atau 38.77%. Dalam ujian karangan, kumpulan sampel yang paling tinggi kekerapan kesalahannya ialah kumpulan lelaki daerah Brunei/Muara, iaitu sebanyak 519 kesalahan. Dalam ujian objektif pelbagai pilihan, kumpulan sampel yang paling tinggi kekerapan kesalahannya ialah kumpulan lelaki daerah Tutong, iaitu sebanyak 571 kesalahan. Kumpulan yang paling banyak melakukan kesalahan bagi kedua-dua ujian ialah kumpulan perempuan daerah Brunei/Muara, iaitu 987. Dalam ujian karangan, kumpulan SSE yang paling tinggi kekerapan kesalahannya ialah kumpulan SSE sederhana tinggi, iaitu kesalahan secara purata setiap sampel ialah 9.18 kali. Dalam ujian objektif pelbagai pilihan, kumpulan SSE yang paling tinggi kekerapan kesalahannya ialah kumpulan SSE rendah, iaitu kesalahan secara purata setiap sampel ialah 12.89 kali. Kekerapan kesalahan paling tinggi bagi jumlah purata kesalahan kedua-dua ujian bagi setiap kumpulan sampel ialah dilakukan oleh kumpulan SSE rendah, iaitu 10.81 kali.

Muhammad Salehudin Aman (1993) telah menjalankan penyelidikan tentang kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu Tingkatan Empat di dua buah SMK Agama di negeri Melaka untuk mengenalpasti jenis-jenis dan kekerapan kasalahan tatabahasa bahasa Melayu yang dilakukan oleh pelajar yang dipilih. Data kajian dikumpul dengan menggunakan dua kaedah, iaitu ujian menulis dua buah karangan bagi mengenal pasti kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam aspek kata dan

ayat, dan soal selidik untuk mendapatkan maklumat tentang pembelajaran bahasa Melayu pelajar.

Berdasarkan 300 buah karangan yang jumlah perkataannya tidak kurang daripada 45,000 patah perkataan, didapati pelajar melakukan sebanyak 2,402 kesalahan. Purata kesalahan bagi setiap pelajar ialah 32.4 kali, iaitu 18.8 kesalahan dalam aspek kata dan 13.6 kali dalam aspek ayat. Purata kesalahan bagi setiap orang pelajar dalam setiap karangan ialah sebanyak 16.2 kali. Berdasarkan keseluruhan kesalahan tatabahasa yang berjumlah 2, 402, kesalahan dalam aspek kata berjumlah 1,946 atau 81.0% manakala dalam aspek ayat pula jumlah kesalahan ialah 456 atau 19.0%. Kumpulan pelajar lelaki membuat 1,319 atau 54.9% kesalahan sementara kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan pelajar perempuan ialah 1,083 atau 45.1%. Pelajar lelaki juga melakukan sebanyak 1,063 kesalahan dalam aspek kata dan sebanyak 256 dalam aspek ayat. Kumpulan pelajar perempuan membuat sebanyak 883 kesalahan dalam aspek kata dan sejumlah 200 kesalahan dalam aspek ayat. Kajian ini juga mendapati bahawa SSE pelajar yang rendah melakukan kekerapan kesalahan yang paling tinggi, iaitu 1,213.

Sampel dibahagikan kepada empat kumpulan, tiap-tiap kumpulan mengandungi 30 orang pelajar yang dikenali sebagai lelaki bandar, perempuan bandar, lelaki desa dan perempuan desa yang telah dipilih secara rawak. Semua sampel telah diminta menulis karangan dalam bahasa Melayu, sebuah karangan untuk ujian awal dan sebuah lagi untuk ujian akhir. Ujian awal telah dijalankan dalam bulan Meli 1981 dan ujian akhir dijalankan dalam bulan Jun pada tahun yang sama. Aspek kesalahan sintaksis yang dikaji ialah ayat selapis aktif dan pasif, ayat berlapis, ayat kompleks, ayat berkait, ayat tanya, ayat saduran, dan struktur ayat-ayat lain selain daripada jenis-jenis ayat yang dinyatakan. Kajian ini menunjukkan bahawa kekerapan kesalahan imbuhan paling tinggi dilakukan oleh pelajar. Dalam aspek ayat, pelajar melakukan kesalahan paling tinggi dalam aspek ayat berlapis. Analisis kesalahan bahasa menunjukkan bahawa pelajar bandar lebih banyak melakukan kesalahan berbanding pelajar desa dan pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan berbanding pelajar perempuan.

Objektif Kajian

Analisis kesalahan bahasa untuk mendapat maklumat terkini dan rinci tentang penguasaan tatabahasa dan keberkesanan sesuatu pengajaran adalah penting sebagai wahana kajian. Oleh itu, penyelidikan yang telah banyak dijalankan terhadap pelajar yang terakhir di sekolah ini menunjukkan tahap penguasaan mereka yang masih belum memuaskan (Abdul Rashid Bin Daing Melebek (2010). Hal ini telah mendorong penyelidik untuk melihat sendiri sejauh mana pula penguasaan guru-guru dalam bidang ini. Hal ini boleh dicapai dengan menjalankan kajian di sekolah-sekolah di seluruh negara mengikut pelbagai lokasi, ras, dan latar belakang mereka. Penguasaan tatabahasa bahasa Melayu para guru yang ingin dilihat termasuklah tahap penguasaan, aspek-aspek yang menjadi masalah dan sering mengelirukan dan mengenal pasti hubungan yang signifikan antara penguasaan tatabahasa bahasa Melayu guru dengan penguasaan tatabahasa bahasa Melayu pelajar STPM.

Penganalisisan ujian tatabahasa bahasa Melayu terhadap guru-guru dijalankan dengan memilih lokasi sekolah di setiap daerah di seluruh negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Penyelidik telah menyediakan sebanyak 60 soalan objektif pelbagai pilihan untuk dijawab dalam masa 60 minit. Soalan ujian mini mengandungi semua aspek tatabahasa bahasa Melayu terutamanya aspek-aspek yang sering mengelirukan dan keadaan yang tidak pasti dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. Selain itu, responden juga diminta melengkapkan soal selidik yang memuatkan tentang jantina, lokasi sekolah, pengalaman guru, lama mengajar, pendapatan dan latar belakang pendidikan. Sebanyak 114 buah sekolah dengan 114 guru (27 lelaki dan 87 perempuan, 21 mengajar di bandar dan 83 mengajar di luar bandar) di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak telah dipilih secara rawak, iaitu sekolah yang mempunyai guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Tingkatan 6 Atas. Walau bagaimanapun, kategori guru-guru ini haruslah juga dilihat sama ada mengajar di sekolah bandar atau desa, lama berkhidmat, dan lain-lain yang perlu dijawab dalam soal selidik.

Aspek tatabahasa yang ditanya dalam soalan ujian dan jumlahnya serta lokasi sekolah dan peratusan kesalahan tatabahasa ditunjukkan dalam Jadual 1 dan 2 yang berikut:

Jadual 1 : Taburan Soalan

Bil.	Aspek Tatabahasa	Jumlah Soalan
1.	Kata Hubung	1
2.	Ayat Majmuk	3
3.	Kata Pemeri	1
4.	Semantik	8
5.	Imbuhan (Awalan/Akhiran/Apitan)	12
6.	Sintaksis	6
7.	Frasa	5
8.	Kausa	1
9.	Predikat	4
10.	Subjek	2
11.	Morfologi	9
12.	Kata Penguat	1
13.	Kata Majmuk	2
14.	Kata Ganda	1
15.	Golongan Kata	1
16.	Ayat Aktif (Sintaksis)	1
17.	Ayat Tunggal (Sintaksis)	1
18.	Tanda Baca	1
	Jumlah	**60**

Jadual 2 : Lokasi Sekolah dan Jumlah Responden

Bil	Aspek Tatabahasa	Joh	PP	Sel	Pah	Trg	Prk	Kdh	Sab	Kel	N9	Mel	Sar	Per	KL	WPP	JUM	% Kes
1.	Kata Hubung	6	5	5	1	4	0	1	1	4	6	2	6	1	0	0	**42**	**36**
2.	Ayat Majmuk	6	4	6	2	12	4	8	4	0	6	6	8	2	0	2	**70**	**20**
3.	Kata Pemeri	8	7	8	7	9	9	7	9	7	7	4	7	3	0	2	**94**	**82**
4.	Semantik	16	13	16	12	25	13	12	15	10	15	10	15	6	1	2	**181**	**19**
5.	Imbuhan	57	41	62	43	58	54	61	46	52	42	25	42	17	5	9	**614**	**44**
6.	Sintaksis	16	15	22	9	27	14	26	14	18	14	13	14	11	2	6	**221**	**32**
7.	Frasa	8	4	6	4	11	5	14	3	11	8	5	8	1	1	1	**90**	**15**
8.	Klausa	7	7	7	7	5	12	7	5	9	6	2	6	3	1	1	**85**	**74**
9.	Predikat	21	19	21	22	26	25	14	22	24	24	12	24	7	3	4	**268**	**58**

10.	Subjek	5	4	5	5	2	3	2	6	4	4	2	4	0	0	1	**47**	**20**
11.	Morfologi	53	35	49	24	46	51	46	50	53	43	22	43	15	6	11	**547**	**53**
12.	Kata Penguat	5	3	6	5	5	3	4	3	8	6	2	6	2	1	1	**60**	**52**
13.	Kata Majmuk	5	2	2	0	1	4	0	0	2	1	1	1	0	0	0	**19**	**8**
14.	Kata Ganda	3	3	1	0	1	1	0	2	2	1	0	7	1	1	1	**24**	**21**
15.	Golongan Kata	8	8	7	6	7	8	8	7	6	7	4	2	2	1	2	**86**	**75**
16.	Ayat Aktif	5	7	1	0	5	5	1	5	1	3	2	3	2	0	1	**41**	**37**
17.	Ayat Tunggal	6	5	4	2	8	6	1	4	5	5	2	5	3	0	1	**57**	**50**
18.	Tanda Baca	7	8	10	6	8	8	7	8	7	8	4	8	0	2	2	**93**	**81**
JUMLAH		**2639**																**Purata = 38%**

Dapatan Kajian

Analisis ujian tatabahasa bahasa Melayu yang berjumlah sebanyak 114 itu ditunjukkan dalam Jadual 3 yang berikut:

Jadual 3 : Taburan dan Jumlah Kesalahan Aspek Tatabahasa Bahasa Melayu Mengikut Negeri

Bil	**Aspek Tatabahasa**	**Joh**	**PP**	**Sel**	**Pah**	**Trg**	**Prk**	**Kdh**	**Sab**	**Kel**	**N9**	**Mel**	**Sar**	**Per**	**KL**	**WP**	**JUM**
1.	Kata Hubung	6	5	5	1	4	0	1	1	4	6	2	6	1	0	0	**42**
2.	Ayat Majmuk	6	4	6	2	12	4	8	4	0	6	6	8	2	0	2	**70**
3.	Kata Pemeri	8	7	8	7	9	9	7	9	7	7	4	7	3	0	2	**94**
4.	Semantik	16	13	16	12	25	13	12	15	10	15	10	15	6	1	2	**181**
5.	Imbuhan (Awalan/ Akhiran/ Apitan)	57	41	62	43	58	54	61	46	52	42	25	42	17	5	9	**614**
6.	Sintaksis	16	15	22	9	27	14	26	14	18	14	13	14	11	2	6	**221**
7.	Frasa	8	4	6	4	11	5	14	3	11	8	5	8	1	1	1	**90**
8.	Kausa	7	7	7	7	5	12	7	5	9	6	2	6	3	1	1	**85**

9.	Predikat	21	19	21	22	26	25	14	22	24	24	12	24	7	3	4	**268**
10.	Subjek	5	4	5	5	2	3	2	6	4	4	2	4	0	0	1	**47**
11.	Morfologi	53	35	49	24	46	51	46	50	53	43	22	43	15	6	11	**547**
12.	Kata Penguat	5	3	6	5	5	3	4	3	8	6	2	6	2	1	1	**60**
13.	Kata Majmuk	5	2	2	0	1	4	0	0	2	1	1	1	0	0	0	**19**
14.	Kata Ganda	3	3	1	0	1	1	0	2	2	1	0	7	1	1	1	**24**
15.	Golongan Kata	8	8	7	6	7	8	8	7	6	7	4	2	2	1	2	**86**
16.	Ayat Aktif (Sintaksis)	5	7	1	0	5	5	1	5	1	3	2	3	2	0	1	**41**
17.	Ayat Tunggal (Sintaksis)	6	5	4	2	8	6	1	4	5	5	2	5	3	0	1	**57**
18.	Tanda Baca	7	8	10	6	8	8	7	8	7	8	4	8	0	2	2	**93**
JUMLAH		**2639**															

Jadual 4 : Jumlah Soalan dan Kesalahan yang dilakukan Mengikut Aspek Tatabahasa Bahasa Melayu dan Peratusannya

Bil	**Aspek Tatabahasa**	**Jumlah Soalan (x 114 responden)**	**Jumlah Kesalahan Bahasa**
1.	Kata Hubung	1	42/114
2.	Ayat Majmuk	3	70/342
3.	Kata Pemeri	1	94/114
4.	Semantik	8	181/912
5.	Imbuhan	12	614/1368
6.	Sintaksis	6	221/684
7.	Frasa	5	90/570
8.	Kausa	1	85/114
9.	Predikat	4	268/456
10.	Subjek	2	47/228
11.	Morfologi	9	547/1026
12.	Kata Penguat	1	60/114
13.	Kata Majmuk	2	19/228
14.	Kata Ganda	1	24/114
15.	Golongan Kata	1	86/114
16.	Ayat Aktif (Sintaksis)	1	41/114
17.	Ayat Tunggal (Sintaksis)	1	57/114
18.	Tanda Baca	1	93/114
JUMLAH		**60**	**2639/6840 (38%)**

Jadual 4 menunjukkan bahawa para guru masih mengalami masalah dan keliru dalam penggunaan aspek tatabahasa yang betul. Berdasarkan 18 aspek yang dikemukakan dalam soalan tatabahasa, para guru telah mengalami masalah yang ke semuanya berjumlah 38%.

Jadual 5 : Jumlah Kesalahan yang dilakukan Mengikut Aspek Tatabahasa Bahasa Melayu

Bil	**Aspek Tatabahasa**	**Joh**	**PP**	**Sel**	**Pah**	**Trg**	**Prk**	**Kdh**	**Sab**	**Kel**	**N9**	**Mel**	**Sar**	**Per**	**KL**	**PJ**	**JUM**
1.	Kata Hubung	6	5	5	1	4	0	1	1	4	6	2	6	1	0	0	**42**
2.	Ayat Majmuk	6	4	6	2	12	4	8	4	0	6	6	8	2	0	2	**70**
3.	Kata Pemeri	8	7	8	7	9	9	7	9	7	7	4	7	3	0	2	**94**
4.	Semantik	16	13	16	12	25	13	12	15	10	15	10	15	6	1	2	**181**
5.	Imbuhan	57	41	62	43	58	54	61	46	52	42	25	42	17	5	9	**614**
6.	Sintaksis	16	15	22	9	27	14	26	14	18	14	13	14	11	2	6	**221**
7.	Frasa	8	4	6	4	11	5	14	3	11	8	5	8	1	1	1	**90**
8.	Kausa	7	7	7	7	5	12	7	5	9	6	2	6	3	1	1	**85**
9.	Predikat	21	19	21	22	26	25	14	22	24	24	12	24	7	3	4	**268**
10	Subjek	5	4	5	5	2	3	2	6	4	4	2	4	0	0	1	**47**
11.	Morfologi	53	35	49	24	46	51	46	50	53	43	22	43	15	6	11	**547**
12	Kata Penguat	5	3	6	5	5	3	4	3	8	6	2	6	2	1	1	**60**
13	Kata Majmuk	5	2	2	0	1	4	0	0	2	1	1	1	0	0	0	**19**
14	Kata Ganda	3	3	1	0	1	1	0	2	2	1	0	7	1	1	1	**24**
15	Golongan Kata	8	8	7	6	7	8	8	7	6	7	4	2	2	1	2	**86**
16	Ayat Aktif (Sintaksis)	5	7	1	0	5	5	1	5	1	3	2	3	2	0	1	**41**
17	Ayat Tunggal	6	5	4	2	8	6	1	4	5	5	2	5	3	0	1	**57**
18	Tanda Baca	7	8	10	6	8	8	7	8	7	8	4	8	0	2	2	**93**

Jadual 6 : Jumlah Kesalahan yang dilakukan Mengikut Aspek Tatabahasa Bahasa Melayu dan Peratusannya

Bil	Aspek Tatabahasa	Joh	PP	Sel	Pah	Trg	Prk	Kdh	Sab	Kel	N9	Mel	Sar	Per	KL	PJ	JUM	% Kes
1.	Kata Hubung	6	5	5	1	4	0	1	1	4	6	2	6	1	0	0	**42**	**36**
2.	Ayat Majmuk	6	4	6	2	12	4	8	4	0	6	6	8	2	0	2	**70**	**20**
3	Kata Pemeri	8	7	8	7	9	9	7	9	7	7	4	7	3	0	2	**94**	**82**
4.	Semantik	16	13	16	12	25	13	12	15	10	15	10	15	6	1	2	**181**	**19**
5.	Imbuhan	57	41	62	43	58	54	61	46	52	42	25	42	17	5	9	**614**	**44**
6.	Sintaksis	16	15	22	9	27	14	26	14	18	14	13	14	11	2	6	**221**	**32**
7.	Frasa	8	4	6	4	11	5	14	3	11	8	5	8	1	1	1	**90**	**15**
8	Klausa	7	7	7	7	5	12	7	5	9	6	2	6	3	1	1	**85**	**74**
9	Predikat	21	19	21	22	26	25	14	22	24	24	12	24	7	3	4	**268**	**58**
10	Subjek	5	4	5	5	2	3	2	6	4	4	2	4	0	0	1	**47**	**20**
11	Morfologi	53	35	49	24	46	51	46	50	53	43	22	43	15	6	11	**547**	**53**
12	Kata Penguat	5	3	6	5	5	3	4	3	8	6	2	6	2	1	1	**60**	**52**
13	Kata Majmuk	5	2	2	0	1	4	0	0	2	1	1	1	0	0	0	**19**	**8**
14	Kata Ganda	3	3	1	0	1	1	0	2	2	1	0	7	1	1	1	**24**	**21**
15	Golongan Kata	8	8	7	6	7	8	8	7	6	7	4	2	2	1	2	**86**	**75**
16	Ayat Aktif	5	7	1	0	5	5	1	5	1	3	2	3	2	0	1	**41**	**37**
17	Ayat Tunggal	6	5	4	2	8	6	1	4	5	5	2	5	3	0	1	**57**	**50**
18	Tanda Baca	7	8	10	6	8	8	7	8	7	8	4	8	0	2	2	**93**	**81**
JUMLAH		**2639**																**Purata 38%**

Berdasarkan Jadual 6 di atas, aspek tatabahasa yang kesalahannya melebihi 50% ialah kata pemeri 82%, klausa 74%, predikat 58%, morfologi 53%, kata penguat 52%, golongan kata75% dan tanda baca 81%. Kesalahan aspek tatabahasa yang dilakukan oleh para guru yang sangat ketara ialah kata pemeri, klausa dan tanda baca, manakala aspek

predikat, morfologi, kata penguat adalah pada sekitar 50% kesalahan. Para guru juga mempunyai masalah dalam aspek-aspek yang lain, cuma kurang ketara sangat dan berada di bawah 50% kesalahan seperti kata hubung, ayat majmuk, semantik, imbuhan, sintaksis, frasa, subjek, kata majmuk, kata ganda, dan ayat aktif. Walau bagaimanapun, berdasarkan analisis kesalahan tatabahasa bahasaa Melayu melalaui ujian yang diberikan menunjukkan bahawa para guru masih bermasalah dalam semua aspek yang diberikan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa mereka masih keliru dan kurang pasti tentang aspek-aspek tatabahasa ini.

Berdasarkan analisis pencapaian tatabahasa bahasa Melayu para guru mata pelajaran Bahasa Melayu STPM, putara kesalahan yang mereka lakukan ialah sebanyak 38%. Jumlah ini adalah hasil daripada keseluruhan kesalahan sebanyak 2639 daripada semua item dan jumlah responden (60X114) yang berjumlah 6840.

$$\frac{2639 \text{ X } 100}{6840} = 38\%$$

Oleh hal yang demikian, berdasarkan keputusan ini, purata penguasaan guru dalam semua aspek yang diberikan dalam ujian tatabahasa bahasa Melayu tersebut adalah berjumlah 62% sahaja (1005-38%). Hal ini didapati mempengaruhi pencapaian pelajar menguasai tatabahasa bahasa Melayu yang puratanya sekitar B atau hampir B+ sahaja (Abdul Rashid Bin Daing Melebek, 2010:114).

Jadual 7 : Aspek Tatabahasa Bahasa Melayu dan Peratusan Kesalahan Responden

Bil	Aspek Tatabahasa	Peratus Kesalahan Bahasa
1.	Kata Hubung	**36**
2.	Ayat Majmuk	**20**
3.	Kata Pemeri	**82**
4.	Semantik	**19**
5.	Imbuhan (Awalan/ Akhiran/ Apitan)	**44**
6.	Sintaksis	**32**
7.	Frasa	**15**

8.	Kausa	**74**
9.	Predikat	**58**
10.	Subjek	**20**
11.	Morfologi	**53**
12.	Kata Penguat	**52**
13.	Kata Majmuk	**8**
14.	Kata Ganda	**21**
15.	Golongan Kata	**75**
16.	Ayat Aktif (Sintaksis)	**37**
17.	Ayat Tunggal (Sintaksis)	**50**
18.	Tanda Baca	**81**
	JUMLAH	**Purata Kesalahan Bahasa Perindividu = 38%**

Kesimpulan

Pada masa ini banyak pengguna bahasa Melayu yang kurang menguasai tatabahasa bahasa Melayu dan berasa kurang pasti dan keliru menggunakan perkataan yang betul, tepat dan gramatis semasa menulis atau berkomunikasi. Hal ini menimbulkan kerisauan kepada mereka khususnya yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat SPM atau STPM. Walau bagaimanapun, terdapat juga golongan yang kurang menguasai aspek-aspek tatabahasa bahasa Melayu yang mengambil jalan mudah dengan mengajarkan bidang ini tanpa memikirkan kesan yang dihadapi oleh para pelajar mereka. Berdasarkan soal selidik, banyak responden yang menyatakan bahawa bidang tatabahasa bahasa Melayu adalah sukar dan mengelirukan. Pengguna bahasa yang dapat menguasai bidang ini hanyalah mereka yang betul-betul minat dan berkeinginan untuk mendalami bidang ini. Para pengguna yang lain seperti para guru yang sedang mengajar mata pelajaran ini beranggapan bahawa mereka menjalankan tugas secara terpaksa, tiada pilihan lain dan mencuba-cuba sahaja. Selain itu, banyak pihak juga yang mengharapkan diadakan suatu bentuk kursus, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penguasaan aspek tatabahasa bahasa Melayu kepada mereka secara intensif dari semasa ke semasa sesuai dengan perubahan dan penambahbaikan yang dialami oleh bahasa Melayu.

RUJUKAN

Abdul Ghalib Yunus. (1994). Apitan yang Sering Mengelirukan. *Pelita Bahasa,* Jld. 6, Bil. 11, Hal. 38-39.

Abdul Hamid Mahmood. (1990). Penguasaan Bahasa Malaysia Baku di Kalangan Pelajar-pelajar, *Dewan Bahasa*, April 1990. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan. (1984). *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.

Abdul Rashid Bin Daing Melebek (2010). Rampak Serantau. *Jurnal MABBIM*, (Bil. 17, Hal. 114-131), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asiah Abu Samah. (1977). A Study of Sociological Factors Affecting Language Development of Primary School Children, *Tesis Sarjana*, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Awang Sariyan. (1980). *Isu-isu bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur : Fajar Bakti.

Azman Wan Chik. (1982). Mengajar Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Ibunda : Latar dan Skop, *Kertas Kerja*, UPM : Jabatan Bahasa.

Bloomfield. (1933). *Language*. London, George Allan & Unwin Ltd.

Chomsky, N. (1968). *Language and Mind*. New York : Harcourt Brace & World.

Corder. S. P. (1967). The Significant of Learner's Error. *IRAL*. Vol. V/2-3, Julai 1967.

Hamdan Abdul Rahman. (1980). Pengajaran Tatabahasa : Hakikat yang Wujud di Sekolah-sekolah, *Dewan Bahasa*, Jld. 24, Bil. 6, Hal. 35-48.

KPM. (1982). *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Koh Boh Boon. (1975). A Study to Locate An Analysis Some Common Errors in the Use of Malay Affixes on Non-Malays Preparing for the Malaysian Certificate of Education Bahasa Malaysia Paper. *Jurnal Pendidikan*, Jld. 5, Hlm. 31-33.

Lim Keat Boey. (1975). Teaching the Language. *Majalah Pendidikan*.

Lutfi Abas. (1987). *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Mangantar Simanjuntak, (1982). *Aspek Bahasa dan Pengajaran*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.

Mohd Daud Yusof. (1989). Penguasaan Bahasa Malaysia Baku di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan Dua (KBSM) ; suatu Kajian Kes di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan. *Tesis Sarjana Pendidikan*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Majid Konting dan Zaidatul Akmaliah Lope Pihie. (1987). Hubungan Sikap Pelajar dengan Pencapaian Akademik dalam Mata Pelajaran Perdagangan di Sekolah-Sekolah Menengah di Malaysia, *Kertas Kerja Projek*, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM, Serdang.

Muhammad Salehudin Aman. (1993). Analisis Kesalahan Tatabahasa BM di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Atas, *Tesis Sarjana.*

Nik Safiah Karim, 1988). *Bahasa Baku di Sekolah*, Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.

Noam Chomsky. (1965). *Aspect of the Theory of Syntax*. Cambridge, Mass : M. I. T. Press.

Nor Aina Dani. (1993). Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Proses Pemelajaran Bahasa Melayu Pelajar-Pelajar Dusun. *Tesis Master Sains*, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM Serdang.

Omar Mohd Hashim. (1978). Kemerosotan Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan SPM 1977, Dewan Bahasa. Jld. 22, Bil. 7, Hal 460-461.

Pengiran Mahmud bin Pengiran Damit. (1992). Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan Pelajar-Pelajar Melayu Peringkat Sekolah Menengah Bawah Daerah Brunei/Muara dan Daerah Tutong : Satu Perbandingan. *Tesis Master Sains*, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM, Serdang.

Rahil Mahyuddin. (1991). Kesan Peperiksaan ke atas Kerisauan dan Peramal-Peramal Pencapaian Akademik, *Tesis Ph. D*. : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Za'ba. (1965). *Pelita Bahasa Melayu 1*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.